



# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19


### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**28 Rabiulawal 1444 / 24 Oktober 2022**

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 437 kes sehari, berbanding dengan 388 kes sehari pada minggu sebelumnya. Jumlah keputusan ujian ART yang dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* didapati telah menurun di mana pada minggu lepas, hanya 17,083 keputusan ujian ART telah dilaporkan dan 17.6% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, terdapat **satu kes** di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **6 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sehingga kelmarin, 23 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.6%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.7%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **431 kes baru** telah dilaporkan iaitu 427 kes hasil ujian ART dan 4 kes adalah hasil dari 256 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, trend kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza* (*Influenza-like Illness, ILI*) pada minggu lalu telah menunjukkan sedikit pengurangan tetapi jumlah kes ILI adalah masih tinggi. Orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak. Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan *Influenza*, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan.



Tren ILI dari minggu 1 hingga minggu 42

4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta’ala juga. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

-      **TAMAT**      -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 28 Rabiulawal 1444H / 24 Oktober 2022